

Sempena Hari Keputeraan Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan

# 735 terima darjah kebesaran

Oleh FARABI SHEIKH  
SAID AL JABRI  
pengarang@utusan.com.my

**SEREMBAN** 13 Jan. - Yang Dipertua Dewan Negara, Tan Sri Abu Zahar Ujang dan Pro Canselor Universiti Teknologi Mara (UiTM), Tan Sri Arshad Ayub mengetuai senarai penerima darjah kebesaran, bintang dan pingat sempena Hari Keputeraan Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Muhriz Tuanku Munawir Ke-65, esok.

Kedua-dua tokoh berkenaan dikurniakan Darjah Seri Utama Negeri Sembilan (SUNS) yang membawa gelaran Datuk Seri Utama pada istiadat yang akan berlangsung di Balairung Seri Istana Besar Seri Menanti, Kuala Pilah dekat sini.

Dalam pada itu, seramai 733 orang akan menerima darjah kebesaran, bintang dan pingat sempena hari keputeraan baginda.

Ketua Setiausaha Negara, Datuk Seri Dr. Ali Hamsa pula mendahului lima penerima Darjah Seri Setia Tuanku Muhriz Yang Amat Terbilang (SSTM) yang membawa gelaran Datuk Seri.

Turut menerima SSTM ialah Timbalan Ketua Polis Negara, Tan Sri Khalid Abu Bakar; Naib Canselor Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof. Tan Sri Dr. Sharifah Hapsah Syed Hasan Shahabudin; Naib Canselor Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Prof. Datuk Ir. Zaini Ujang dan Panglima Tentera Darat, Jeneral Tan Sri Zulkifli Zainal Abidin.

Bagi darjah Dato' Paduka Negeri Sembilan (DPNS) pula, Timbalan Pengarah Cawangan Khas 1 Bukit Aman, Datuk Abdul Hamid Bador mengetuai



ABU ZAHAR



ARSHAD AYUB



ALI HAMSA



ZULKIFLI ZAINAL



SHARIFAH HAPSAH



ZAINI UJANG



SITI MARIAH



OTHMAN A. KARIM

senarai 12 penerima itu yang turut membawa gelaran Datuk.

Individu lain yang menerima darjah berkenaan ialah ahli perniagaan, Mahzan Ismail; Pengarah Eksekutif Syarikat Elite Town Coating Sdn. Bhd., Mat Tahir Sharif; Ketua Pengarah Agensi Nuklear Malaysia, Dr. Muhamad Lebai Juri dan Timbalan Pengarah Jabatan Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam, Datuk Muhammad Fuad Abu Zarim.

Turut menerima DPNS ialah Panglima 3 Divisyen, Mejar Jeneral Datuk Razali Ahmad; Hakim Utama Mah-

kamah Tinggi Seremban, Datuk Siti Mariah Ahmad; ahli perniagaan, Datuk Wira Sivajothi Muthiah Rajendram; Tan Boon Kang (ahli perniagaan); Yeo Hock Ho (ahli perniagaan) dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Chembong, Zaifulbahri Idris.

Sementara itu seramai tiga individu akan menerima Darjah Setia Tuanku Muhriz Yang Amat Gemilang (DSTM) yang turut membawa gelaran Datuk terdiri dari ahli perniagaan, Khong Kim Lyew; Ahli Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS), Tengku Datuk Baharuddin Tengku

Bahadur serta seorang lagi ahli perniagaan, Tunku Zainudin Tunku Hamzah.

Bagi Darjah Setia Bakti Negeri Sembilan (DBNS) yang juga membawa gelaran Datuk, 18 penerima telah diperkenankan bagi tujuan berkenaan.

Mereka ialah Dekan Fakulti Undang-Undang UKM, Prof. Dr. Aishah Bidin; pesara kerajaan, Chan Peng Chee; ahli perniagaan, Farisah Mohd. Farid; aktivis masyarakat, A. Ganesan; Ketua Pengarah Jabatan Bekalan Air Kementerian Tenaga Teknologi

Hijau dan Air, Ir. Dr. Hasnul Mohamad Salleh; Pengarah Jabatan Agama Islam Negeri Sembilan (JHEAINS), Johani Hassan dan ahli perniagaan, Ju Kong Ming.

Penerima lain DBNS ialah ahli perniagaan iaitu Khasnoor Abdul Khalid, Lee Wai Kok, Lim Tiong Boon dan Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Prof. Dr. Musa Ahmad; Timbalan Naib Canselor (Pelajar Alumni) UKM, Prof. Ir. Dr. Othman A. Karim dan ahli perniagaan, Dr. K. S. Ravendra.

Lain-lain ialah Konsultan Khazanah Nasional, Satinah Syed Salleh; Panglima 1 Briged, Brig. Jen. Datuk Sheikh Mokhsin Sheikh Hassan; Pakar Perunding Radiologi, V. Subramani; ahli perniagaan, Ting Chuen Peng dan Pengarah Kanan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), C. Mathialakan.

Sementara itu, seramai 24 orang menerima Darjah Setia Negeri Sembilan (DNS), empat penerima bagi Darjah Tuanku Muhriz (DTM) dan Darjah Pekerti Terpilih (DPT) pula seramai 11 orang.

Dalam pada itu, seramai 92 orang penerima Ahli Setia Negeri Sembilan (ANS), lima individu menerima Setiawan Tuanku Muhriz (STM) dan 215 orang lagi dikurniakan Pingat Khidmat Cemerlang (PMC).

Penolong Ketua Biro *Kosmo!* yang juga Presiden Kelab Wartawan Negeri Sembilan (i-KWAN), Muhammad Rais Yeop Johari adalah antara 324 orang penerima Pingat Jasa Kebaktian (PJK) sempena hari keputeraan baginda manakala seramai 20 orang lagi menerima Pingat Khidmat Lama (PKL).